

Kemantapan Penghayatan Guru Terhadap Falsafah Pendidikan Kebangsaan Asas Membangunkan Guru Cemerlang

Muhammad Nurfaumi Mohamed¹, Mohamed Yusof², Rohana Hamzah² & Amirmudin Udin²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

ABSTRAK : Pendidikan pada masa kini adalah sesuatu yang berharga. Pendidikan yang terbaik mestilah datang dari pendidik atau guru yang yang terbaik. Namun, kurangnya penghayatan seseorang guru terhadap Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyebabkan sesuatu pembelajaran itu tidak dapat disampaikan dengan baik di mana ilmu yang disampaikan itu tidak dapat diberi secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Ini turut mempengaruhi prestasi kerja seseorang guru itu kerana hasil pelajar yang dididik adalah penentu aras kepada prestasi kerja seseorang guru itu. Ini kerana apabila anak didiknya itu tidak terdidik secara menyeluruh, maka ilmu yang disampaikan itu gagal diterima oleh pelajarnya menyebabkan pelajar tersebut tidak seimbang diantara akademik, emosi, fizikal serta moralnya dan gagal mematuhi kehendak FPK. Oleh disebabkan demikian, guru-guru yang kurang memahami FPK haruslah diberi perhatian. Pelbagai tindakan boleh diambil seperti mengadakan kursus serta penyeliaan berkala

Katakunci : Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Prestasi Kerja

ABSTRACT : Nowadays, education is something valuable. The best education must come from great teachers or educator. However, the lack comprehension of a teacher on the Philosophy of National Education caused education cannot be served well where knowledge cannot be delivered comprehensively and integratedly in order to creat a balanced and harmonious human beings intellectually, spiritually, emotionally and physically based on the Philosophy of National Education (FPK). This also affects the teacher's working performance because the outputs of the educated students are the indicator of the teacher's performance. This is because when the students are not educated as a whole, the knowledge that been delivered are failed to be received by the students and led the student being unbalanced between the academic, emotional, physical, moral, and fail to comply to FPK desire. Because of this, the teachers who less understands of FPK need an attention. Various actions can be taken such attending courses and a periodic supervision.

Keywords : Philosophy Of National Education, Working Performance

1.0 PENGENALAN

Pendidik atau guru adalah kerjanya mengajar (Kamus Dewan Edisi Empat, 2007), di mana secara asasnya guru adalah orang yang bertanggungjawab mendidik pelajar-pelajar di sekolah dengan ilmu pengetahuan. Guru juga adalah orang yang memberi inspirasi dan pengaruh melalui kepakarannya serta lebih mengenali pelajarnya.

Guru merupakan komponen teras yang menentukan kejayaan pelaksanaan kurikulum tersurat dan tersirat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), di

samping pembentuk wajah pelapis kepimpinan dan pemacu pembangunan negara (Awang Had, 1998). Ini kerana, guru merupakan komponen utama dalam sistem pendidikan untuk melaksanakan dan menjayakan FPK.

Menurut Abu Ajip (1994) dalam Azura (2004), pendidik yang kreatif, cekap, bermotivasi tinggi dan berhemah mulia diperlukan oleh institusi pendidikan bagi melahirkan pelajar sebagaimana matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Apabila seseorang guru itu menjalankan tugasnya berlandaskan ciri-ciri Falsafah Pendidikan Negara, maka pelajar yang dihasilkan akan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Oleh yang demikian, ianya dapat meningkatkan kepuasan bekerja serta prestasi seseorang guru tersebut ini guru tersebut telah dapat menjayakan FPK.

Vroom (1964) mendefinisikan kepuasan kerja sebagai suatu kejayaan seseorang individu itu di dalam membuat penyesuaian diri dengan peranan kerjanya. Sikap positif terhadap kerjanya secara konseptual boleh dinyatakan setimpal dengan kepuasan kerja sebaliknya sikap negatif adalah sama dengan ketidakpuasan. Definisi ini disokong oleh Smith, Kendall dan Hullin (1969) menyatakan kepuasan kerja sebagai perasaan seseorang pekerja mengenai kerjanya. Dengan kata lain, kepuasan kerja berkaitan dengan seseorang sama ada berminat atau tidak terhadap kerjanya.

2.0 SEJARAH FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Falsafah pendidikan Negara adalah asas serta panduan bagi seseorang pendidik mendidik pelajarannya untuk berjaya. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dulunya disebut sebagai Falsafah Pendidikan Negara (FPN) merupakan dasar kepada pendidikan di Malaysia. Menurut Akta Pendidikan tahun 1996, Falsafah Pendidikan Negara tahun 1988, telah digantikan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan pada tahun 1996. Oleh yang demikian, semua aktiviti pendidikan dan persekolahan di Malaysia mestilah selaras dengan FPK ini. Justeru setiap bakal guru di Malaysia diwajibkan membaca, memahami dan mengingati falsafah ini agar setiap tindakan mereka melalui proses pengajaran dan pembelajaran sentiasa berada di landasan yang betul.

Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (1988) dalam laman sesawang Gabungan Persatuan Guru-guru Cina Malaysia, Falsafah Pendidikan Negara, penggubalannya dilakukan dengan penuh pertimbangan yang teliti dengan merujuk kepada Penyata Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960, Akta Pelajaran 1961, Laporan JK Kabinet 1979, Rukunegara, Prinsip-prinsip pendidikan, Matlamat pendidikan serta Dasar Pendidikan Kebangsaan

Berikut adalah Falsafah Pendidikan Kebangsaan:

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. ”

Daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan tersebut, dapat diuraikan bahawa pendidikan di Malaysia adalah bagi memperkembangkan potensi di dalam individu secara menyeluruh dan bersepadu. Ini bermaksud, terdapat pelbagai potensi yang berbeza di dalam diri individu masing-masing yang boleh di gilap. Ini kerana, setiap makhluk yang diciptakan diatas muka bumi ini mempunyai keistimewaannya tersendiri. Namun usaha mengembangkan potensi seseorang itu haruslah dilakukan secara menyeluruh dan tergabung antara satu sama

lain. Tujuan pengembangan ini adalah bertujuan mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Intelek, rohani, emosi serta jasmani ini haruslah seimbang di dalam diri seseorang individu. Ini kerana, kepandaian intelektual seseorang itu tidak memadai jika akhlaknya rosak, emosinya terganggu serta kesihatannya terjejas.

Pendidikan merupakan satu perjalanan bagi mencari kebenaran di mana guru itulah penyuluh kepada ilmu yang kabur di dalam nyata. Semasa proses ini, ianya akan membawa pelajar mengenal mana satu yang betul, mana yang salah. Ianya akan membuat pelajar serta guru itu faham akan ilmu logikal. Proses ini akan melahirkan rasa keindahan dikalangan pelajar dan guru dalam mencorak dunia selari dengan tugas manusia sebagai khalifah. Oleh yang demikian, bagi mencapai keseimbangan tersebut, manusia haruslah kembali mendampingi kepada Penciptanya serta alam semester iaitu Tuhan. Kerana kebenaran yang dicari datang daripadaNya.

Apabila wujud insan yang seimbang intelek, rohani, emosi serta jasmaninya, maka lahirlah rakyat yang berilmu, bertanggungjawab mencapai kesejahteraan diri serta dapat menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara. Apabila masyarakat sesebuah Negara berilmu, maka ilmu yang diperolehi itu boleh dimanfaatkan pada diri sendiri dan masyarakat sekitar sekaligus dapat mempertahankan kedaulatan dan kemakmuran Negara.

3.0 FAKTOR-FAKTOR KURANG KEFAHAMAN FPK

Penghayatan yang lemah terhadap FPK adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktor-faktor tersebut adalah ketidaksuaian kerjaya sebagai seorang guru serta ambil mudah terhadap tanggungjawab sebagai seorang pendidik.

i. Pemilihan kerjaya

Pemilihan kerjaya memainkan peranan yang penting bagi memastikan seseorang individu itu berjaya mencapai kejayaan di dalam bidang yang diceburinya. Ianya perlulah bersesuaian dengan karakter diri serta minat yang mendalam sebelum sesuatu pekerjaan itu dipilih menjadi kerjaya seseorang individu itu, di mana akhirnya menjamin masa depan yang cemerlang. Proses pemilihan kerjaya adalah bergantung kepada beberapa faktor dan ianya adalah berbeza bagi setiap individu.

Menurut Aminah dan Arthur (1994), terdapat pelbagai jenis gaya pemilihan kerjaya yang diamalkan oleh para pelajar iaitu memilih kerjaya berdasarkan apa yang terdapat di persekitaran mereka sahaja, terpengaruh dengan keistimewaan sesuatu bidang kerjaya tanpa meneliti keburukan dan kesulitan yang mungkin ditempuhi, tidak mempunyai keyakinan untuk meneroka kerjaya yang lebih kompleks, pemilihan kerjaya dipengaruhi oleh kemahuan atau tekanan ibu bapa atau ahli keluarga, sistem dan ganjaran gaji yang ditawarkan serta peluang pekerjaan yang cerah.

Guru merupakan antara kerjaya yang menjadi pilihan pelajar. Menurut Hamidi Jaafar (1997), motif utama pelajar-pelajar memilih profesion perguruan adalah faktor idealistik iaitu keinginan untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat dalam mendidik generasi muda akan datang. Namun, ada segelintir pula memilih profesion sebagai guru bukan kerana minat. Menurut Azhar (2007) di dalam Siti Zafirah (2008), sesetengah individu menganggap kerjaya ini sebagai pilihan terakhir kepada golongan siswazah terutama bagi mereka yang gagal memperoleh sebarang pekerjaan.

Gagal meminati bidang kerjaya sebagai guru tetapi tetap memilih guru sebagai kerjaya antara penyebab sesetengah guru gagal memahami FPK. Ini kerana, sesetengah individu hanya memilih guru sebagai kerjaya bukanlah kerana cintanya dalam bidang pendidikan tetapi disebabkan faktor jaminan pekerjaan selepas graduasi serta syarat kemasukan yang longgar berbanding bidang Sains dan Kejuruteraan. Apabila asas pemilihan kerjaya itu bukan kerana minat akan profesion tersebut, maka proses mempelajari serta memahami intipati kandungan kursus pendidikan kurang difahami, sebaliknya hanya belajar sekadar untuk peperiksaan.

ii. Tanggungjawab

Tanggungjawab yang digalas oleh seseorang guru adalah besar kerana proses awal pembentukan seseorang individu adalah bermula di sekolah di mana gurulah insan yang akan menjalankan tugas tersebut.

Tugas sebagai seorang guru tidak semudah yang disangkakan. Pelbagai tanggungjawab yang digalas oleh guru semasa di sekolah samada berkaitan dengan akademik atau tidak. Menurut Aishah Bee Binti Ahmad Tajudeen (2004), guru merupakan "ibu" dan "bapa" kepada para pelajar, lantaran itu menjadi tanggungjawab ke atas guru itu terhadap keselamatan, disiplin dan pencapaian akademik pelajar. Dalam kesibukan mengajar, mereka juga menjadi kaunselor menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang berada di bawah pengawasan mereka selain menjalankan kerja "perkeranian" seperti mengisi kad maklumat pelajar, mengisi borang pinjaman buku teks, mengisi kad kesihatan dan sebagainya

Tugas guru yang semakin bertambah boleh dikaitkan dengan faktor kurangnya kefahaman guru terhadap FPK dalam melaksanakan tugasnya. Apabila tanggungjawab yang digalas oleh seseorang guru bertambah, maka fokus terhadap proses pengajaran turut terjejas. Oleh yang demikian, sesetengah guru kurang membuat persediaan yang secukupnya sebelum memulakan sesi pembelajaran dan pengajaran. Kurangnya persediaan yang rapi akan menyebabkan guru tersebut hanya sekadar menyampaikan ilmu sahaja tanpa cuba memasukkan elemen yang berkaitan dengan kehendak FPK.

4.0 KESAN KEFAHAMAN FPK

FPK merupakan asas yang menjadi panduan bagi sistem pendidikan di Malaysia. Kefahaman terhadap kandungan FPK semestinya akan memberi kepuasan khususnya kepada warga pendidik itu sendiri dalam menunaikan amanahnya kepada anak bangsa. Apabila seseorang pendidik itu memahami kehendak FPK, maka hasilnya adalah bangsa yang berjaya bukan sahaja dari akademiknya, malah akhlaknya jua.

i. Kepuasan bekerja

Pekerjaan yang sesuai memainkan peranan bagi seseorang individu mencapai kepuasan bagi sesuatu kerja yang dilakukan. Menurut Dinham dan Scott (2000), kepuasan kerja merupakan satu perasaan yang diperoleh daripada sesuatu tugas sebagai menepati nilai kerja yang berselarasan dengan keperluan individu. Apabila sesuatu pekerjaan yang dilakukan menepati kehendak serta keperluan diri, maka tahap kesukaran sesuatu kerja tidak menjadi masalah dalam mencapai kepuasan bekerja. Manakala Locke (1976) menyatakan bahawa kepuasan kerja sebagai satu keseronokan atau emosi positif secara langsung hasil daripada peggormatan atau pengalaman kerja seseorang.

Sesuatu pekerjaan yang dilakukan dengan minat secara mendalam yang datang dari hati akan melahirkan satu perasaan yang dinamakan kepuasan, di mana dari kepuasan itu akan menahirkan produk yang berkualiti. Begitulah juga konsepnya dalam sistem pendidikan, di mana apabila seseorang guru itu melaksanakan tugasnya dengan penuh komitmen sambil menjadikan FPK sebagai panduan, maka lahirlah kepuasan di dalam diri seseorang guru itu selepas segala amanah yang digalas terlaksana. Hasilnya, insan yang berjaya serta seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek telah berjaya bebas dari kepompong kejahilan.

ii. Hasil pembelajaran pelajar

Hasil pembelajaran pelajar dinilai berdasarkan keputusan peperiksaan yang dijalankan oleh pihak sekolah atau kementerian di mana ianya juga merupakan keluaran bagi mutu kerja seseorang guru. Jika tinggi peratusan pelajar yang berjaya dalam peperiksaan, maka berhasil usaha yang dijalankan guru tersebut. Jumlah pencapaian pelajar yang cemerlang atau sebaliknya akan memberi kesan terhadap kualiti kerja guru tersebut.

Menurut kajian oleh McClelland (1961) di dalam Sidek Mohd Noah dan Mohd Ali Jaamat (1998) menunjukkan bahawa pencapaian akademik yang tinggi seringkali dikaitkan dengan individu yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi. Guru adalah medium penting dalam meningkatkan motivasi pelajar terutamanya ketika sesi pembelajaran dijalankan. Cara menjana motivasi atau semangat pelajar adalah bergantung kepada kreativiti guru bagi memastikan pencapaian pelajarinya cemerlang. Apabila seorang guru itu memahami antara kehendak FPK di mana mewujudkan pelajar yang mempunyai intelek yang tinggi, maka usaha yang diberikan oleh guru itu bukanlah hanya melepaskan batuk ditangga namun ianya adalah sebaliknya demi menjalankan amanah yang dipikul oleh guru itu. Oleh yang sedemikian, hasilnya adalah pelajar yang mempunyai keputusan yang cemerlang.

iii. Sikap

Bangsa yang berjaya bukanlah diukur dari segi pencapaian akademi sahaja, malah sikap turut menjadi elemen penting dalam melahirkan bangsa yang berkualiti bagi sesebuah Negara.

Berdasarkan kepada FPK, hasil daripada usaha memperkembangkan potensi seseorang individu adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara. Bagi mencapai matlamat tersebut, sikap individu itu adalah penting.

Tanpa sikap serta sahsiah diri yang cemerlang di dalam diri individu, maka usaha untuk mencapai kesejahteraan diri sukar untuk dicapai kerana mereka ini dianggap gagal untuk menjaga sikap atau akhlak terhadap diri sendiri. Apabila diri gagal dipimpin, maka jauh sekali kepimpinan serta sumbangan terhadap kemakmuran masyarakat dan Negara dapat disumbangkan. Ini adalah kerana, sikap memainkan peranan yang penting untuk mencapai kejayaan dalam sesuatu perkara yang diusahakan.

Menurut Azizi Hj. Yahaya, Jamaluddin Ramli dan Yusof Boon (2007), Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran boleh ditingkatkan sekiranya guru dapat memahami sikap pelajar terhadap mata pelajaran diajarinya. Maklumat yang diperolehi itu boleh digunakan oleh guru untuk merancang strategi pengajaran yang bersesuaian demi mengubah sikap pelajar dan seterusnya membawa kepada pencapaian yang cemerlang.

Dapat dilihat bahawa sikap memainkan peranan penting dalam diri seseorang pelajar di mana ianya menjadi antara tugas guru bagi memastikan pelajarinya bukan sahaja hebat di dalam akademik mahupun kokurikulum tetapi sahsiahnya juga penting. Apabila seimbang

intelekt, rohani, emosi dan jasmani, maka potensi individu yang dikembangkan akan seimbang.

5.0 CARA MENINGKATKAN KEFAHAMAN FPK

Pelbagai cara boleh dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri mahupun di peringkat Sekolah bagi meningkatkan kefahaman FPK dikalangan warga pendidik. Antara kaedah yang boleh digunakan ialah menerusi kursus serta penyeliaan dari pihak berwajib.

i. Mengadakan Kursus

Kursus merupakan latihan yang singkat mengenai sesuatu perkara (Kamus Dewan Edisi Empat, 2007). Pelbagai kursus sering dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia serta Jabatan Pendidikan Negeri bagi meningkatkan pengetahuan guru dalam sesuatu perkara samada berkaitan pentadbiran, ICT atau yang berkaitan dengan subjek akademik.

Menurut Abdul Rahin Bin Hamdan (2006), guru-guru sanggup menghadiri kursus dalam perkhidmatan dengan tujuan untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam dunia pengajaran. Ini dapat dilihat bahawa, melalui kursus seseorang guru itu dapat meningkatkan lagi potensi yang ada di dalam diri mereka.

Kursus terhadap penghayatan serta kepentingan FPK turut boleh dianjurkan oleh kementerian dalam memastikan guru-guru yang sedang berkhidmat dapat mengingati serta memahami semula kandungan di dalam FPK itu. Ini kerana, kesibukan serta beban kerja yang ditanggung oleh seseorang guru itu menyebabkan seseorang guru itu sedikit sebanyak lupa akan kepentingan FPK dalam menjalankan tugas sehariannya sebagai pendidik. Oleh yang demikian, melalui kursuslah medium yang terbaik dalam mengingatkan semula para pendidik akan asas yang sering dilupai ini.

ii. Penyeliaan Berkala

Penyeliaan didefinisikan sebagai segala fungsi dan aktiviti yang dilakukan oleh pihak pengurusan sekolah dalam memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan mengikut masa yang telah ditetapkan (Al Ramaiah, 1999). Menurut Glickman (1985) dan Duke (1987) dalam Faridah, Noridah dan Siti Rahmah (2005), penyeliaan merupakan "*the glue of a successful school*". Penyeliaan pengajaran yang dijalankan secara bersama dengan guru ialah kunci kepada keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan sekolah.

Penyeliaan terhadap guru di sekolah adalah menjadi tanggungjawab Pengetua ini kerana penilaian prestasi terhadap guru akan dijalankan oleh pengetua itu sendiri. Oleh itu, Pengetua haruslah kerap menjalankan penyeliaan terhadap guru di bawah tadbirannya bagi memastikan penilaian prestasi keatas guru dapat dijalankan dengan telus, sekaligus dapat memastikan guru-guru tersebut menjalankan tugas berdasarkan FPK. Selain daripada Pengetua, Guru Kanan Bidang serta Ketua Panitia turut bertanggungjawab dalam membantu Pengetua menyelia guru-guru di bawah bidang masing-masing. Penyeliaan terhadap guru ketika menjalankan tugas akan mempertingkatkan lagi mutu kerja serta profesionalisme seseorang guru itu.

Penyeliaan yang dijalankan hendaklah memastikan setiap guru memahami FPK, di mana pendidikan yang disampaikan mestilah menyeluruh dan bersepadu bagi mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Sekiranya

penyelidikan terhadap guru dibuat secara sistematik dan berkala, prestasi pengajaran dapat dipertingkatkan.

Mengikut pendapat Neidermeyer (1987) dalam Faridah, Noridah dan Siti Rahmah (2005) pula, penyelidikan yang difokuskan kepada pencapaian pelajar, iaitu hasil yang telah ditetapkan dan dipersetujui bersama serta bukan berfokuskan kepada proses, boleh meningkatkan hasil pembelajaran pelajar. Justeru itu, kesan tingkah laku guru terhadap pengajaran dan pembelajaran dapat juga dipertingkatkan. Ini melibatkan kebolehan mengdiagnosis masalah pendidikan serta membantu guru untuk memajukan kecekapan atau amalan mereka dalam melaksanakan pengajaran.

Dengan adanya penyelidikan berkala ini, mutu pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh seseorang guru itu dapat ditingkatkan kerana apabila seseorang guru itu menyedari dirinya sedang diselia, maka hasil yang diberikan adalah lebih baik. Hasilnya, lahirlah pelajar yang seimbang hasil daripada didikan guru yang memahami FPK.

6.0 KESIMPULAN

Adalah amat penting seseorang guru itu mengikut kehendak FPK dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan ini kerana FPK itu adalah panduan bagi sistem pendidikan di Malaysia.

Segala kelemahan yang dirasai dalam menghayati FPK oleh guru haruslah di atasi segera bagi membolehkan ilmu yang disampaikan itu telus kepada para pelajar tanpa ada rasa halangan bagi seseorang pelajar itu menerima ilmu itu sekaligus mempraktikanya.

Seseorang guru yang dapat menghayati FPK dalam melaksanakan tugasnya sebagai pendidik bakal mewujudkan khalifah yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek di mana mereka ini bakal menerajui dunia dimasa akan datang dengan hikmah dan jayanya.

RUJUKAN

- Abdul Rahin Bin Hamdan, Ahmad Johari Bin Hj Sihes, Jamaluddin Bin Ramli dan Rosliza Binti Hamzah. (2006). *Persepsi Guru Terhadap Profesion Perguruan Masa Kini*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Aishah Bee Binti Ahmad Tajudeen. (2004). *Kepuasan Kerja Dan Tekanan Yang Dihadapi Oleh Guru Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Al Ramaiah (1999). *Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini*. Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Aminah Hashim dan Arthur, P.L. (1994). *Bimbingan Dan Kaunseling Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Awang Hadi Salleh. (1998). *Latihan Perguruan untuk Sekolah Berkesan*, Prosiding Seminar Kebangsaan JPPG, Pendidikan Guru untuk Sekolah Berkesan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Azizi Hj. Yahaya, Jamaluddin Ramli dan Yusof Boon. (2007). Sumbangan Sikap Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Matematik: Sejauhmanakah Hubungan Ini Relevan?. Fakulti Pendidikan. UTM Skudai.
- Azura Binti Mohd Nor. (2004). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kepuasan Kerja Guru Dalam Bidang Kerja Teknik dan Vokasional Berdasarkan Teori Maslow di Sekolah Akademik di Daerah Pasir Puteh, Kelantan. Tesis Sarjana Muda. Universiti teknologi Malaysia.
- Dinham, S. & Scott, S. (2000). Enhancing teachers professionalism: The need to engage with the Third Domain. ACEA International Conference. September 9-12. Hobart.
- Faridah Bte Md. Pungot, Noridah Bte Ramlan @ Rohan dan Siti Rahmah Bte Mohamed. (2005). Kesan Penyeliaan Pihak Pengurusan Terhadap Kecemerlangan Kerja Guru Di SM Teknik Kluang. Seminar Pendidikan 2005. Fakulti Pendidikan. UTM Johor.
- Gabungan Persatuan Guru-guru Cina Malaysia, Falsafah pendidikan Negara. Dicapai pada 10/8/2010
(http://web.jiaozong.org.my/doc/2009/rnr/edu_law/falsafah_pendidikan_negara.pdf)
- Hamidi Jaafar (1997). Persepsi Pelajar-Pelajar Diploma Pendidikan Fakulti Pendidikan UTM Terhadap Perguruan Sebagai Satu Profesion – Satu Tinjauan. UTM: Tesis Sarjana Muda.
- Kamus Dewan Edisi Empat. (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Locke, E. A. (1976). The Nature and Causes of Job Satisfaction: Handbook of Industrial and Organizational Psychology. Chicago: M.Dunnett dan Rand McNally.
- Sidek Mohd Noah dan Mohd Ali Jaamat. (1998). Keberkesanan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu Terhadap Peningkatan Motivasi Pencapaian Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Sembilan. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* Vol. 6 No.1. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Siti Zafirah Binti Mohd Ilias. (2008). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Profesion Perguruan di Kalangan Pelajar Tahun 4 Perdana Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Utm. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Smith, P-C, Kendall, L. M dan Hulin C. L (1969). The Measurement of Satisfaction in Work and Retirement. Chicago, Rand Menally.
- Vroora Victor H. (1964) *Work & Motivation*. San Francisco : Jossey- Bass Publishers.